

RANCANGAN PERNIAGAAN

**G-MAT
FOTOKOPI
ENTERPRISE**

**DIPLOMA PERAKAUNAN
SEMESTER JUN - OKTOBER
1998**

**DIPLOMA PERAKAUNAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
G-MAT FOTOKOPI ENTERPRISE
ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**DISEDIAKAN UNTUK:
PN. GAN KIN
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

DISEDIAKAN OLEH:

ZULANISHAM B. HUSIN	96549302
SITI SAHARAH BT. AWALUDDIN	96789469
NOR SAZALI BT. AWALUDDIN	96854462
YUSRI B. JAAFAR	95457633
NAZRAH BT. AZAHARI	96872552

**10 OKTOBER 1998
SEMESTER JUN - OKT '98**

Diploma Perakaunan
Bahagian 05
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh: 9 Oktober 1998

Pn. Gan Kin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan,

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk perkara di tas, kami telah pun menyiapkan Rancangan Perniagaan untuk memenuhi syarat matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) seperti yang dikehendaki.

2. Pihak kami telah memilih Perniagaan Fotokopi bagi menyediakan Rancangan Perniagaan tersebut. Kami memilih perniagaan ini kerana ianya berdaya maju dan adalah merupakan salah satu perniagaan yang menjamin pulangan dan keuntungan yang tinggi.
3. Penyediaan ini adalah berdasarkan kepada format, prosedur dan kriteria-kriteria yang tertentu yang telah ditetapkan. Disamping itu juga, kami telah mendapat tunjuk ajar serta kerjasama yang baik dan memuaskan daripada pihak-pihak yang berkenaan untuk tujuan rujukan dan bimbingan.
4. Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan ini adalah tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan iaitu 9 Oktober 1998.
5. Kami berharap dengan segala usaha kami untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ini adalah menetapi dan mencapai semua matlamat dan objektif bagi perniagaan ini. Oleh itu, segala pertimbangan yang baik dari pihak puan kami dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

(Zulanisham B, Husin)
Pengurus Besar

(Siti Saharah bt. Awaluddin)
Pengawai Pentadbiran

(Yusri b. Jaafar)
Pegawai Pemasaran

(Norsazali b, Turin)
Pegawai Operasi

(Nazrah bt. Azahari)
Pegawai Kewangan

G-MAT FOTOKOPI ENTERPRISE
PENGENALAN

Pengenalan

Perkhidmatan fotokopi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Memandangkan berlakunya peningkatan dalam bidang pendidikan, persyarikatan dan sektor-sektor lain. Ia mendorong kepada kecenderungan perminataan di dalam perkhidmatan fotokopi ini.

Dewasa ini, terdapat ramai usahawan yang menceburkan diri dalam bidang ini. Namun demikian, tidak ramai yang menjalankan perniagaan ini secara komersial. Di atas keprihatinan kami terhadap perkara ini, kami mengambil inisiatif ini dengan menjalankan perniagaan fotokopi secara komersial.

Apa yang membezakan perniagaan kami dengan kedai fotokopi yang lain ialah disamping kami menawarkan perkhidmatan kepada orang awam, kami juga menawarkan perkhidmatan secara tender dan sistem penghantaran terus kepada sekolah-sekolah, syarikat-syarikat korporat dan badan-badan tertentu.

Setelah menjalankan pemerhatian, kami mendapati perniagaan ini mempunyai potensi untuk maju dan bersesuaian dengan lokasi yang telah kami pilih. Diharapkan penglibatan kami akan meningkatkan lagi bilangan usahawan bumiputera di negara ini.